

12 JAN 2003

Serangga

PBT DI KELANTAN TERIMA PERUNTUKAN PUSAT KAWAL SERANGGA

KOTA BAHARU, 12 Jan (Bernama) -- Semua 11 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Kelantan hari ini masing-masing menerima peruntukan kerajaan pusat sebanyak RM200,000 bagi menangani masalah serangga pemusnah.

Pengarah Jabatan Pembangunan Persekutuan Kelantan, Datuk Ramli Abdul Halim, berkata 10 majlis daerah dan sebuah majlis perbandaran itu menerima peruntukan itu yang disalurkan menerusi Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

"Peruntukan ini membuktikan keperihatinan kerajaan pusat untuk membantu PBT di Kelantan yang kebetulan sedang dilanda demam denggi," katanya pada majlis penyerahan peruntukan itu di pejabatnya di sini.

Ramli berkata kerajaan Kelantan sememangnya kurang berkemampuan jika tidak dibantu dalam menangani masalah itu dan berharap masyarakat membantu PBT menghapuskan apa sahaja serangga yang boleh menjejaskan kesihatan.

Ketika diminta mengulas peruntukan daripada kerajaan pusat bagi membantu pelajar miskin, beliau berkata kerajaan pusat sama sekali tidak meminggirkan nasib pelajar yang berada di negeri yang dikuasai parti pembangkang.

Lebih 90,000 pelajar miskin di Kelantan akan mendapat peruntukan istimewa itu dan ia akan disampaikan kepada oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa lawatan Perdana Menteri ke sini Khamis ini, katanya.

Ramli berkata sumbangan RM120 seorang itu akan diberikan kepada mereka secara berperingkat tidak lama lagi bagi membantu meringankan beban dalam persediaan sesi baru persekolahan.

Peruntukan itu adalah dari Tabung Amanah Pelajar Miskin. Ia dinamakan sebagai Bantuan Pakaian Seragam dan Peralatan Sekolah.

Kementerian Pendidikan baru-baru ini memaklumkan bahawa kerajaan persekutuan telah memperuntukkan RM85 juta kepada 700,000 murid sekolah rendah daripada keluarga yang berpendapatan kurang RM500 sebulan.

-- BERNAMA

ZI MAI